LATIH DIRI

1. Tulis nisbah perbandingan bilangan objek yang berikut.

a

i. Kereta kuning kepada kereta merah.
ii. Kereta merah kepada kereta kuning.
iii. Kereta kuning kepada jumlah kereta.

b

i. Bunga raya oren kepada bunga raya putih.
ii. Bunga raya putih kepada semua bunga.
iii. Jumlah bunga kepada bunga raya oren.

2. Lihat gambar di sebelah. Nyatakan nisbah:

a isi padu cat hijau kepada jumlah isi padu cat.
b jumlah isi padu cat kepada isi padu cat biru.

3. Rajah menunjukkan koleksi tiga jenis bentuk. Tulis nisbah bilangan:

a ● kepada ▲.
b ■ kepada ●.
c ● kepada ■.
d ■ kepada semua bentuk.
e ● kepada jumlah bentuk.
f Keseluruhan bentuk kepada ▲.

Nota Guru

- Buat simulasi menggunakan pelbagai objek untuk mengukuhkan konsep nisbah.
- Bincang dengan murid kepentingan nisbah dan nisbah hanya menggunakan nombor bulat sahaja. Bincangkan juga bahawa nisbah tidak mempunyai unit.